

# Najib, Rosmah dibenar periksa 11,991 barang kemas disita

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, akan memeriksa 11,991 unit barang kemas yang kini disimpan dalam lebih 90 kotak di bilik kebal Bank Negara Malaysia (BNM).

Pemeriksaan itu akan turut membabitkan pemilik syarikat barang kemas, Global Royalty Trading SAL dari Lubnan, Samer Halimeh.

Barang kemas berkenaan ialah antara pelbagai barangan disita antara polis dari premis milik Obyu Holdings Sdn Bhd di Pavilion Residences pada Mei 2018.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin, semalam menetapkan 12 hingga 15 Julai atau 2 hingga 6 Ogos depan bagi pemeriksaan barang kemas itu oleh pihak ketiga, manakala pengurusan kes ditetapkan 1 Jun.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Faten Hadni Khairu-

ddin, berkata berdasarkan simulasi yang telah dilakukan antara pihak pendakwa, BNM dan pegawai penyiasat kes, pemeriksaan ke atas 11,991 unit barang kemas itu akan mengambil masa antara empat hingga lima hari.

"Pemeriksaan bagi setiap kotak akan mengambil masa kira-kira 15 hingga 20 minit, namun tempoh ini masih bergantung pada cara pemeriksaan oleh pihak ketiga. Justeru dalam tempoh satu jam, kami menganggarkan kira-kira empat kotak akan diperiksa.

"Bagaimanapun, pihak BNM menasihati pihak terbabit untuk tidak berada di dalam bilik kebal itu lebih dari lima jam berikutan kandungan oksigen yang rendah.

"Berdasarkan kiraan kami, pemeriksaan barang kemas ini akan mengambil masa empat hingga lima hari dan ia hanya boleh dilakukan pada hari bekerja," katanya pada prosiding pengurusan kes lucut hak terhadap Obyu

Holdings, semalam.

Najib, Rosmah dan Global Royalty adalah pihak ketiga ingin menuntut barang kemas, dalam permohonan lucut hak difailkan pendakwa terhadap Obyu Holdings yang dimiliki oleh Tan Sri Bustari Yusof.

Sementara itu peguam, Datuk David Gurupatham mewakili Glo-

*"Pemeriksaan bagi setiap kotak akan mengambil masa kira-kira 15 hingga 20 minit, namun tempoh ini masih bergantung pada cara pemeriksaan oleh pihak ketiga.*

*Faten Hadni Khairuddin,  
Timbalan Pendakwa Raya*

bal Royalty, berkata Samer kini berada di United Kingdom (UK).

Beliau berkata, pihaknya akan membuat permohonan pas khas untuk anak guam memasuki Malaysia bagi memeriksa barang kemas itu.

"Buat masa sekarang, Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai sekatan negara yang mengalami kes COVID-19 tinggi tidak dibenarkan masuk ke negara kita.

"Namun, ada proses pas khas boleh dimohon jika keadaan sesuai. Kami akan membuat permohonan pas khas berdasarkan kebenaran KKM," katanya.

Faten Hadni pula berkata, penilaian risiko perlu dibuat terhadap mana-mana individu untuk memasuki Malaysia dari UK, dan pihaknya akan mengkaji lebih lanjut prosedur berkenaan.

Pada prosiding semalam, Najib serta Rosmah diwakili oleh peguam, Syahirah Hanapiah dan Iskandar Shah Ibrahim.

Sebelum ini, pemeriksaan barang kemas itu belum dilakukan selepas Samer tidak dibenarkan memasuki Malaysia kerana sempadan negara ditutup susulan wabak COVID-19.

Bagaimanapun pada 25 Julai tahun lalu, Najib dan Rosmah memeriksa 306 beg tangan, 401 jam tangan, 16 aksesori jam tangan dan 234 cermin mata yang turut disita dari premis sama.

Pada 2019, pihak pendakwa memfailkan permohonan pelucuthakan terhadap Obyu Holdings bagi menyita pelbagai barangan.

Ia termasuk 11,991 unit barang kemas, 401 jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan, 234 cermin mata, 306 beg tangan serta wang tunai dalam pelbagai denominasi berjumlah RM114,164,393.44.

Wang dan barang kemas itu dirampas pihak berkuasa kerana didakwa terbabit skandal dana Malaysia Development Berhad (1MDB). BERNAMA